



Suara

muzium kelantan



PAMERAN PENDIDIKAN
PERDANA III

KEGEMILANGAN CIPTAAN SAINTIS ISLAM

Merungkai Asal Usul Teknologi Hari Ini



20 CIPTAAN SAINTIS ISLAM BERMULA DARI
HURUN KE-8 HINGGA KE-18 DIPAMERKAN



MUZIUMKELANTAN



SIDANG redaksi SUARA MUZIUM

» PENAUNG

YB. Mejari (B) Dato' Haji Md. Anizam bin Ab. Rahman

» PENASIHAT

YABrs. Mohamad Nazwan bin Ismail

» KETUA EDITOR

Wan Jaafar bin Jusoh

» EDITOR

Abustarim bin Yaacob
Shahrul Hisham bin Abd-Raid
Mohd Tarmizi bin Taib

» REKA BENTUK & REKA LETAK

Mohd Ali Riduan bin Daud

» JURU FOTO

Sabki bin Ibrahim

Diterbitkan oleh unit pengurusan : -
PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN
Jalan Hospital, 15000 Kota Bharu, Kelantan.
No. Tel: 09-748 2266 | Fax: 09-747 3366



YB. Mejari (B) Dato' Haji Md. Anizam bin Ab. Rahman
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Negeri
Kelantan merangkap Pengerusi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.



YABrs. En. Mohamad Nazwan bin Ismail
Pengarah, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Ketua Editor



Alhamdulillah....

Bertemu kembali dalam edisi kelima Suara Muzium bagi tahun 2017. Terlebih dahulu bersyukur saya kehadrat Ilahi, kerana dengan limpah kurniaNya Suara Muzium ini dapat diterbitkan.

Suara Muzium ini diterbitkan bertujuan untuk memberikan informasi kepada masyarakat serta semua warga Muzium Negeri Kelantan berkaitan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017. Kejayaan dalam melaksanakan aktiviti ini kerana dorongan dan sokongan yang padu dari Dato' Pengerusi

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan YB Mejari (B) Dato Hj Md Anizam bin Ab. Rahman dan hasil kerja kuat Pengarah Muzium Negeri Kelantan YABrs En. Mohamad Nazwan bin Ismail serta komitmen yang tinggi dari pegawai dan kakitangan muzium.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan seingga-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada semua Editorial Suara Muzium edisi 5/2017 dan semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan pada kali ini. Saya berharap hubungan kerjasama ini akan terus kekal pada masa akan datang.

Wan Jaafar bin Jusoh

Ketua Editor

k a n d u n g a n **Suara** muzium kelantan



04



05



06



07



08



09



10



12



13



14



15



16



18

4. Pelancaran Buku Sejarah Setiausaha Kerajaan Kelantan
5. Majlis berbuka puasa
6. Pameran Raja Kita
7. Pameran Peranakan Cina di Kelantan
8. Seni Khat : Bengkel, Pertandingan dan Pameran
9. Pameran Peperangan Dalam Islam dan Pertandingan Senjata
10. Pameran Kegemilangan Ciptaan Saintis Islam

12. Hari Muzium Antarabangsa 2017 Peringkat Kebangsaan
13. Lawatan Kerja ke Jakarta
14. Jejak Warisan Kelantan Makassar
15. Muzium Wau dan Bengkel Wau Tradisional
16. Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
18. Berita Staf
19. Penerbitan Muzium



PELANCARAN BUKU SEJARAH SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN

Buku sejarah Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan ini mengandungi sejarah Pentadbiran dan Peranan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan sejak akhir abad ke 18, yang seterusnya melalui zaman pemerintahan penjajah iaitu Inggeris, Siam dan Jepun, kemudian diikuti zaman kemerdekaan hingga kini. Pejabat setiausaha kerajaan negeri merupakan sekretariat Kerajaan Negeri yang mengendalikan dan mentadbir hal-hal yang berkaitan pentadbiran. Ianya diketuai oleh seorang setiausaha kerajaan yang merupakan ketua pentadbir negeri yang dibantu oleh pegawai-pegawai kanan yang berkhidmat di beberapa bahagian dan unit pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di Kompleks Kota Darulnaim.

Kemajuan yang dicapai oleh Negeri Kelantan adalah kerana jentera pentadbiran berjalan dengan baik, dinamik dan berkembang maju mengikut masa dan zaman yang dilalui. Inilah yang berlaku dalam sejarah pentadbiran yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan YB Dato' Hj Mohd Faudzi bin Hj Che Mamat. Majlis pelancaran buku sejarah setiausaha kerajaan ini telah disempurnakan oleh YB Mejar (B) Dato' Hj Md Anizam bin Ab Rahman, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Negeri Kelantan pada 26 Februari 2017 bertempat di Dewan Gelanggang Seni Kota Bharu.





MAJLIS BERBUKA PUASA PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN



Pada 21 Jun 2017...bersamaan 26 Ramadhan 1438 Kelab cindai Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa di Hotel Raudah Kota Bharu sebagai tanda kesyukuran kita kehadrat Allah SWT. Majlis ini dihadiri oleh YB Mejar (B) Dato' Hj Md Anizam b Ab Rahman, Pengurus Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan Negeri Kelantan, merangkap pengerusi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, para jemputan dan kakitangan Muzium.

Sebelum majlis berbuka puasa YB Mejar (B) Dato' Hj Md Anizam b Ab Rahman telah menyempurnakan cabutan bertuah pakej menunaikan umrah sempena Pameran Artifak Rasullullah yang telah berlangsung di Muzium Negeri. Dua orang kakitangan telah terpilih menunaikan umrah iaitu Shahrul Hisham b. Mohd Raid dan Mohd Sahlan b. Ab Rahman.



PAMERAN RAJA KITA

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XV
SULTAN MUHAMMAD V

Pameran ini telah diadakan di Muzium Negeri bersempena pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke15, Sultan Muhammad V dari 17 September hingga 14 Oktober 2017. Tujuan diadakan adalah sebagai pendekatan untuk memperkenal dan merapatkan hubungan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan rakyat jelata. Sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dan konsep raja berpelembagaan yang mempunyai kuasa, fungsi dan ciri-ciri istimewa yang tersendiri turut dipaparkan dalam pameran ini. Semoga pameran ini dapat memberikan manfaat dan menyedarkan semua pihak agar konsep ini terus terpelihara hingga ke generasi akan datang sebagai lambang dan kedaulatan negara yang memayungi setiap rakyat negara ini.





Warisan Peranakan cina Kelantan, satu daripada khazanah budaya hidup yang telah beratus malah mungkin ribuan tahun wujud di Negeri Kelantan. Sepanjang tempoh tersebut mereka berakulturasikan dengan penduduk melayu setempat dan akhirnya membentuk identiti tersendiri. Peranakan Cina Kelantan yang sekaligus membuktikan bahawa perpaduan serta kehidupan harmoni boleh dicapai dengan toleransi serta sikap saling percaya tanpa dibayangi perasangka. Keunikan Peranakan Cina Kelantan dapat dilihat menerusi cara hidup mereka dan kesediaan mereka mengidentifikasi diri dengan orang melayu serta menjalani kehidupan berteraskan sosiobudaya melayu yang perlu dijadikan contoh oleh semua kaum. Pendek kata akulturasikan adalah jalan kepada perpaduan dan keharmonian.

Bagi memperlihat dan mengenali Peranakan Cina Kelantan, satu pameran khas warisan PERANAKAN CINA KELANTAN telah diadakan pada 15 Mac hingga 15 Jun 2017 di Muzium Negeri Kelantan.



Seni Khat

BENGKEL, PERTANDINGAN DAN PAMERAN



Sempena program Madinah Ramadhan Pebadanan Muzium Negeri Kelantan dengan kerjasama Persatuan Seni Khat Kelantan telah mengadakan pertandingan dan pameran seni khat bertempat di perkarangan stadium Sultan Muhammad IV pada Jun 2017 dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam. Majlis penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Mejar (B) Dato' Haji Md Anizam b. Ab Rahman, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Negeri Kelantan.

Dua kategori khat dipertandingkan iaitu secara spontan dan karya siap yang telah disertai oleh 200 peserta dari sekolah-sekolah dibawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan sekolah agama persekutuan, pelajar-pelajar pondok dan pecinta-pekerja seni khat. Tujuan pertandingan dan pameran ini diadakan adalah bagi memartabatkan dan mempromosi seni penulisan khat kepada masyarakat sebagai satu cabang kesenian Islam dan mencungkil bakat baru dalam melahirkan lebih ramai penulis khat yang profesional. Bersempena pameran dan pertandingan ini telah diadakan satu bengkel penulisan khat bertempat di Kompleks Balai Islam Lundang bagi merealisasikan tujuan diatas.





PAMERAN PEPPERANG DALAM ISLAM & PERTANDINGAN SENJATA



Pameran ini telah diadakan pada 16 Julai hingga 10 September 2017, bertempat di galeri utama Muzium Negeri bersempena sambutan bulan kemerdekaan. Dalam bahagian pertama dipamerkan kisah peperangan yang berlaku didalam islam, la itu peperangan yang berlaku di zaman rasullullah, zaman khulafa' Al Rasyidin, peperangan yang berlaku di zaman kerajaan Umayyah, Abasiah dan Othmania. Pengisian pameran adalah dalam bentuk informasi dan artifak perang iaitu pedang rasullullah, para sahabat, Pedang Sultan Muhamad Al fateh dan tongkat Nabi Musa. Selain itu pelbagai jenis senjata Melayu tradisional seperti keris, pedang, lembing dan lain-lain koleksi YB Dato Pengurus Muzium, koleksi Persatuan seni Purba dan koleksi Muzium.

Bersempena pameran ini juga telah diadakan :

- Pertandingan keris cantik yang mendapat sambutan yang menggalakkan yang disertai oleh 100 orang peserta dari Negeri Pahang, Terengganu, Melaka dan Pulau Pinang.
- Seminar perkerisan. Dua orang penceramah telah dijemput khas bertajuk Keris dalam perspektif Islam dan keris dan masyarakat kini.
- Demotrasi mencuci keris (mandi keris) dan sukan memanah.





Pameran kegemilangan ciptaan saintis Islam adalah satu cetusan permulaan dalam memartabatkan sejarah kegemilangan Islam. Pameran ini juga merupakan adalah satu titik mula untuk memperkenalkan dan mempertontonkan kepada orang ramai tentang kehebatan dari segi kepakaran saintis Islam terdahulu dalam menghasilkan peralatan untuk pelbagai gunaan yang menjadi rujukan sehingga hari ini. Kegemilangan Islam terdahulu berkenaan tamadun dunia yang kita lupakan adalah sebahagian besar teknologi kepakaran yang dicipta oleh saintis Islam terdahulu, kemudian di bangunkan sesuai dengan arus pemodenan dunia hari ini. Tajuk pameran ini dipilih khas bagi memartabatkan tamadun Islam agar tidak dilupakan dan hilang ditelan zaman. ‘Sesungguhnya tiada yang terdahulu, maka tiada yang sekarang’.

Pameran yang diadakan di Muzium Negeri ini bermula pada 1 Nov 2017 sehingga 1 Mac 2018 dan telah disempurnakan majlis pelancarannya oleh YB Mejra (B) Dato' Hj Md Anizam b. Ab Rahman, Pengurus Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan Negeri Kelantan merangkap pengerusi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Pameran ini adalah usahasama dengan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan UiTM Machang. Sebanyak 20 buah model dipamerkan iaitu, Kincir Air Al-Jazari, Pembuatan Kopi, Al-Bucacis, Pelayaran Cheng Ho, “Quadrant Astronomy”, kamera “pin hole”, astrolabe, Taj mahal, gravity sistem, menuskrip moghul, alat muzik, pengaruh fesyen empat musim, pembuatan minyak wangi, dardanelles gun, othmaniah soldier, flying machine, torpedo dan elephant clock.

Pameran ini juga akan dibawa ke Melaka pada 15 Mac - 15 Mei 2018 dan kemudian ke Kedah dari 1 Jun - 15 Disember 2018. Pada tahun 2019 pameran ini dijangka akan dibawa ke Negeri Sembilan dari 1 Januari - 31 Mac 2019 dan beberapa negeri lain selepas itu.







HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2017 PERINGKAT KEBANGSAAN


Pada 26 hingga 29 Julai 2017, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan menerusi Balai Seni Lukis Kelantan telah mengadakan lawatan kerja ke Jakarta Indonesia yang diketuai oleh YB Mejar (B) Dato'Haji Md Anizam b. Ab Rahman, Pengurus Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan Negeri Kelantan merangkap pengurus Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Seramai 10 orang menyertai rombongan ini yang terdiri daripada kakitangan muzium, Balai Seni Lukis dan ahli PESENI.

Sasaran lawatan kerja ini ialah ke Program Art Bazar yang merupakan satu acara besar-besaran bertaraf dunia yang dianjurkan setahun sekali melibatkan penggiat seni dan pelukis terkenal dari seluruh dunia. Tujuannya untuk mendedahkan peserta kepada aktiviti seni lukis dan industri kreatif, menimbulkan kesedaran dikalangan peserta dan meningkatkan perasaan jati diri serta merealisasikan produk kreatif antara dua negara.

Semasa lawatan kerja ini rombongan telah berkesempatan melawat galeri seni halus yang memamerkan karya pelukis-pelukis awal sejak kurun 17. Muzium Nasional yang merupakan muzium termoden di Nusantara dan melawat Galeri Nasional yang merupakan galeri tertua di Asia.



LAWATAN KERJA KE JAKARTA



Pada 26 hingga 29 Julai 2017, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan menerusi Balai Seni Lukis Kelantan telah mengadakan lawatan kerja ke Jakarta Indonesia yang diketuai oleh YB Mejra (B) Dato'Haji Md Anizam b. Ab Rahman, Pengurus Jawatanakuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan Negeri Kelantan merangkap pengurus Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Seramai 10 orang menyertai rombongan ini yang terdiri daripada kakitangan muzium, Balai Seni Lukis dan ahli PESENI.

Sasaran lawatan kerja ini ialah ke Program Art Bazar yang merupakan satu acara besar-besaran bertaraf dunia yang dianjurkan setahun sekali melibatkan penggiat seni dan pelukis terkenal dari seluruh dunia. Tujuannya untuk mendedahkan peserta kepada aktiviti seni lukis dan industri kreatif, menimbulkan kesedaran dikalangan peserta dan meningkatkan perasaan jati diri serta merealisasikan produk kreatif antara dua negara. Semasa lawatan kerja ini rombongan telah berkesempatan melawat galeri seni halus yang memamerkan karya pelukis-pelukis awal sejak kurun 17. Muzium Nasional yang merupakan muzium moden di Nusantara dan melawat Galeri Nasional yang merupakan galeri tertua di Asia.



JEJAK WARISAN KELANTAN-MAKASSAR

Pada Ogos 2017, satu lawatan kerja ke Makassar Sulawesi Indonesia telah diadakan. Rombongan seramai 6 orang ini diketuai oleh YB Dato' Hj Hassan b. Mohamood Timbalan Pengerusi Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan Negeri Kelantan merangkap Timbalan Pengerusi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Tujuan utama lawatan ini adalah bagi membuat penyelidikan mengenai hubungkait sebenar Kelantan dengan makassar dari segi sejarah dan budaya kerana terdapat nama tempat yang bersamaan seperti kampung makassar di Pasir Mas, Kubur Bugis (Raden Panji) di kampung Apam Pasir Mas serta terdapat ramai orang-orang melayu keturunan Bugis di Kelantan. Penyelidikan dibuat mengenai sejarah hubungan Pattani-Makssar yang dirujuk kepada Kelantan kerana pada masa itu Kelantan termasuk dalam Pattani Besar. Semasa lawatan kerja ini rombongan telah berkesempatan mengadakan pertemuan dengan ketua Lembaga kajian sejarah, Pensyarah Universiti Islam Alaudin, imam masjid kampung Pattani dan penghulu dan berkesempatan meneliti manuskrip-manuskrip berkaitan sejarah hubungan Kelantan-Makassar dan lawatan ke tapak seperti kampong Pattani, kampung salajo dan perkampungan melayu Sulawesi.



MUZIUM WAU

Muzium wau atau layang-layang ini merupakan muzium pertama di Kelantan dan yang kedua di Malaysia. Terletak di tapak Pesta Wau Antarabangsa Pantai Seri Tujuh, Tumpat, Kelantan dan dibuka dengan rasminya pada tahun 2011. Muzium ini ditubuhkan sebagai ikon untuk semua permain (Pelayang) dan perminat yang mempunyai daya kreatif membuat dan mempersembahkan permainan wau yang meninggalkan kesan yang penuh warna-warni kepada mereka.



Bengkel wau tradisional merupakan salah satu aktiviti yang dianjurkan oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan bertempat di Muzium Wau, Pantai Seri Tujuh Tumpat. Bengkel wau yang telah diadakan sepanjang tahun 2017 melibatkan pelajar sekolah rendah dan menengah di sekitar daerah Tumpat. Objektif bengkel ini diadakan ialah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar atau generasi baru bagaimana cara membuat wau tradisional supaya ia akan diwarisi di kemudian hari..Antara jenis wau yang diajar ialah Wau Kekek (kategori sekolah rendah), Wau Daun dan Wau Bulan (kategori sekolah menengah).

Memandangkan sambutan yang menggalakkan dan permintaan daripada sekolah, bengkel ini diteruskan lagi pada tahun 2018 melibatkan pelajar sekolah rendah dan menengah di sekitar Kota Bharu.





MENTERI BESAR KELANTAN

1



Haji Nik Mahmud b. Haji Ismail
(Dato' Perdana Menteri Paduka Raja)
1921 - 1944

2



Tan Sri Dato' Nik Ahmad Kamil b. Nik Mahmud
(Dato' Seri Setia Raja)
1944 - 1953

3



Tg. Mohamad Hamzah b. Tg. Zainal Abidin
(Tengku Seri Maharaja)
1953 - 1959

4



Dato' Haji Ishak Lotfi b. Omar
1959 - 1964

5



Dato' Haji Asri b. Haji Muda
1964 - 1973

6



Dato' Haji Mohamed b. Nasir
(Dato' Biji Sura)
1973 - 1978

7



Tan Sri Dato' Mohamed b. Yaacob
(Dato' Bentara Kanan)
1978 - 1990

8



Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz b. Nik Mat
(Dato' Bentara Setia)
1990 - 2013

9



Ustaz Dato' Haji Ahmad b. Haji Yakob
2013 - sekarang



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN



1
Dato' Haji Muhammed
bin Khatib Haji Mohd Said
(Dato' Laksmana)
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN KE: 1
TAHUN 1921 – 1925



2
Dato' Haji Abdullah
bin Haji Salleh
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN KE: 2
TAHUN 1926 – 1933



3
Dato' Nik Ahmad Kamil
bin Haji Nik Mahmud
(Dato' Seri Setia Raja)
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN KE: 3
TAHUN 1933 – 1937



4
YM Tengku Muhamad Hamzah
bin Tengku Zainal Abidin
(Tengku Seri Maharaja)
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN KE: 4
TAHUN 1937 – 1953



5
Dato' Haji Nik Daud
bin Haji Nik Mat
(Dato' Aria Diraja)
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN KE: 5
TAHUN 1953 – 1955



6
Syed Ab Rahman
bin Syed Abu Bakar Al-Khaled
(Engku Seri Wangsa)
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN KE: 6
TAHUN 1955 – 1958



7
Dato' Haji Hashim
bin Haji Mohamad
(Dato' Wira Jaya)
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN KE: 7
TAHUN 1958 – 1971



8
Dato' Haji Nik Sulaiman
bin Dato' Haji Nik Daud
(Dato' Bentara Kiri)
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN KE: 8
TAHUN 1971 – 1981



9
Dato' Haji Wan Mohamed
bin Yusoff
(Dato' Wira Jaya)
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN KE: 9
TAHUN 1981 – 1989



10
Dato' Haji Hassan
bin Yusoff
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN KE: 10
TAHUN 1989 – 1992



11
Dato' Haji Abdul Razak
bin Salleh
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN KE: 11
TAHUN : JANUARI – NOVEMBER 1993



12
Dato' Haji Ismail
bin Hassan
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN KE: 12
TAHUN 1993 – 1994



13
Datuk Haji Wan Hashim
bin Wan Daud
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN KE: 13
TAHUN 1994 – 2001



14
Dato' Tengku Shah Buddin
bin Tengku Mohd Masum
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN KE: 14
TAHUN 2001 – 2004



15
Dato' Haji Mhd Aiseri
bin Alias
(Dato' Seri Setia Raja)
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN KE: 15
TAHUN 2004 – 2011



16
Dato' Dr Haji Zainuddin
bin Haji Ibrahim
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN KE: 16
TAHUN 2011 – 2013



17
YB Dato' Haji Mohd Faudzi
bin Haji Che Mamat
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN KE: 17
TAHUN 2014 – Sekarang

Berita Staf

TAHNIAH: PENERIMA ANUGERAH KEHORMAT NEGERI KELANTAN

Wan Muhd Shukri Bin Wan Yussof – Pingat Perangai Baik (PPB).
Engku Arif Bin Raja Yaakob – Pingat Perangai Baik (PPB)

SELAMAT BERSARA

Engku Arif Bin Raja Yaakob – Bersara mulai September 2017
Roslan Bin Ibrahim – Bersara mulai Oktober 2017
Wan Muhd Shukri Bin Wan Yussof – Bersara mulai November 2017

TAHNIAH: ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG (APC) 2017



Penerima: Wan Jaafar bin Jusoh



Penerima: Engku Arif bin Raja Yaakob



- 1. **1 JAN – 1 MAC**
Pameran Kegemilangan Saintis Islam
(Muzium Kelantan)
- 2. **20 MAC – 20 MEI**
Pameran Solo Lukisan (Muzium Kelantan)
- 3. **1 JUN – 15 JULAI**
Pameran Haramain (Muzium Kelantan)
- 4. **20 JULAI – 31 OGOS**
Pameran Model Bangunan (Muzium Kelantan)
- 5. **1 OKTOBER – 31 DECEMBER**
Pameran Pendidikan Perdana IV
Iskandar Zukarnain & Yakjuj Majuk
(Muzium Kelantan).

* Tertakluk kepada perubahan

BUKU TERBITAN


PERBANDANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN



Buku Warisan Kelantan
RM16.00
Bil 1 - 35



Sebarang pertanyaan dan tempahan sila hubungi:
PN. RURAIDA BINTI DAUD
PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN,
JALAN HOSPITAL, 15000 KOTA BHARU KELANTAN.
NO. TEL: 09-748 2266 FAX: 09-748 3366
email: muzium@kelantan.gov.my
web: www.muzium.kelantan.gov.my





PAMERAN KEGEMILANGAN CIPTAAN SAIN TIS ISLAM



MUZIUM KELANTAN

